

Tarikh: 22/07/2021

**Pemberitahuan Awam: RSPO Pernilaian Semula Persijilan untuk Strategic Operating Unit (SOU 4) - Kilang Kelapa Sawit Flemington, Sime Darby Plantation Berhad (Nombor Keanggotaan RSPO: 1-0008-04-000-00)**

Kepada Pihak Kepentingan,

Ini adalah untuk memberitahu bahawa Strategic Operating Unit (SOU 4) - Kilang Kelapa Sawit Flemington di bawah Syarikat Induk Sime Darby Plantation Berhad dengan nombor keanggotaan RSPO (1-0008-04-000-00) telah melantik BSI Services Malaysia Sdn Bhd ("BSI Malaysia") untuk melaksanakan pernilaian Persijilan Semula yang akan dilaksanakan di lokasi Teluk Intan, Perak, Malaysia. Pelaksanaan persijilan akan bermula pada 23/08 hingga 27/08/2021 menggunakan persyaratan standard Malaysia National Interpretation 2019 of the RSPO P&C 2018

Nombor RSPO PO ID untuk Strategic Operating Unit (SOU 4) - Kilang Kelapa Sawit Flemington adalah: RSPO\_PO1000000294

Sebagai syarikat perladangan bersepadu global, Sime Darby Plantation Berhad terlibat dalam pelbagai aktiviti rangkaian rantai nilai minyak sawit, merangkumi operasi hiliran, R&D, pembaharuan dan perniagaan agri. Sime Darby Plantation Berhad juga terlibat dalam tanaman getah, tebu, dan penternakan lembu. Penggabungan Sime Darby Berhad, Golden Hope Plantations Berhad dan Kumpulan Guthrie Berhad pada 27/11/2007 telah menubuhkan Sime Darby Plantation sebagai salah satu pengeluar minyak sawit terbesar di dunia. Ketiga-tiga syarikat tersebut telah menjadi anggota RSPO sejak sebelum penggabungannya, dengan tarikh bermula seperti berikut: i. Sime Plantation Sdn Bhd 08/09/2004 ii. Kumpulan Guthrie Berhad 10/09/2004 iii. Golden Hope Plantation 18/05/2004. Syarikat ini kini dikenali sebagai Sime Darby Plantation Berhad, No. Syarikat 647766-V.

1. Maklumat yang berkaitan dengan data pengeluaran yang akan dinilai adalah sebagai berikut:

Strategic Operating Unit (SOU 4) - Kilang Kelapa Sawit Flemington dan Sumber Pembekal		
<b>Kilang Kelapa Sawit</b>		Strategic Operating Unit (SOU 4) - Kilang Kelapa Sawit Flemington
<b>Kapasiti KKS (ton/jam)</b>		60 MT/jam
<b>Alamat / Lokasi</b>		Lot 5138, Jalan Sg Dulang, Sungai Sumun, 36309 Teluk Intan, Perak, Malaysia
<b>Rujukan GPS</b> (dalam derajat, menit & detik)	<b>Latitude/Garis lintang</b>	003° 55' 40.71" N
	<b>Longitude/Garis bujur</b>	101° 51' 26.60" E
<b>Anggaran Pegeluaran Tahunan (MT)</b>	<b>CPO</b>	46,576.62 mt
	<b>PK</b>	12,161.05 mt
	<b>FFB/TBS</b>	222,322.76 mt

2. Maklumat perincian mengenai Sumber Pembekal sebagai berikut:

No.	Ladang / Pekebun Kecil	Lokasi	Rujukan GPS		Ringkasan Kawasan (Ha)		Anggaran Keluaran FFB Tahunan (MT)	Status Liability (L/NL)	Tarikh sertai (untuk Petani bebas)
			Latitude / Garis lintang	Longitude / Garis bujur	Jum. kaw. yg akan diperakui	Kawasan ditanam			

1.	Ladang Flemington	Lot 4541, Jln Simpang Empat-Bagan Datuk, 36309 Teluk Intan, Perak, Malaysia	003° 53' 27.53" N	101° 52' 50.43" E	1,977.96	1,792.92	29,350.00	NL	N/A
2.	Ladang Bagan Datoh	Lot 3710, Bagan Datuk, 36100 Perak, Malaysia	003° 59' 33.72" N	101° 47' 24.66" E	3,781.86	3,605.49	78,651.58	NL	N/A
3.	Ladang Sungai Samak	Lot 4672, Ulu Bernam, 36500 Perak, Malaysia	003° 44' 57.76" N	101° 8' 51.93" E	3,025.74	2,766.43	84,592.87	NL	N/A
4.	Ladang Sabak Bernam	Lot 2094, Jalan Haji Suhaimi, 45307 Sabak Bernam, Selangor, Malaysia	003° 45' 33.77" N	101° 0' 25.12" E	2,511.79	2,355.99	29,728.31	NL	N/A
<b>TOTAL</b>					<b>11,297.35</b>	<b>10,520.83</b>	<b>222,322.76</b>		

Note: L – memiliki Liability; NL – tidak memiliki Liability

Pembekal Ladang untuk persijilan ini tidak termasuk pengembangan penananman baru Oleh yang sedemikian, tidak ada proses New Planting Procedure.

BSI Services Malaysia Sdn. Bhd. diakreditasi untuk menyediakan perkhidmatan persijilan RSPO P&C dan RSPO SCCS pihak ketiga yang bebas. BSI Malaysia adalah anak syarikat Kumpulan BSI, sebuah Syarikat Piagam Diraja Negara Inggeris. BSI adalah jenama terpercaya di dunia dalam menyediakan penyelesaian peningkatan perniagaan dengan lebih daripada 86,000 pelanggan di lebih dari 193 negara. Misi BSI adalah untuk berkongsi pengetahuan, inovasi dan amalan terbaik untuk membantu orang dan organisasi menjadikan kecemerlangan sebagai kebiasaan. BSI adalah Badan Pialawan Nasional UK. BSI Services Malaysia Sdn. Bhd. Mempunyai pejabat gabungan RSPO di Indonesia, Australia, China dan India.

Pasukan Penilaian akan terdiri:

Nama	Peranan / Aspek Pengliputan	Kelayakan dan Pengalaman
Mohamed Hidhir Zainal Abidin	Ketua Pasukan Audit  Keselamatan dan kesihatan pekerja, prosedur operasi, komitmen organisasi, pematuhan undang-undang, pelan ekonomi jangka panjang, time bound plan, rantai bekalan untuk kilang sawit	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia, Universiti Kebangsaan Malaysia.</li> <li>- Mempunyai pengalaman bekerja selama 7 tahun dalam bidang berkaitan dengan industri kelapa sawit, 5 tahun khusus dalam pengilangan kelapa sawit.</li> <li>- Memiliki pengalaman sebagai juruaudit untuk beberapa standard termasuk ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001, MSPO dan RSPO di badan pensijilan sebelumnya.</li> <li>- Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001, RSPO P&amp;C dan RSPO SCCS.</li> </ul>
Hu Ning Shing	Ahli Pasukan  Aspek social dan kebajikan pekerja, temuduga pihak kepentingan, hak asasi manusia, penilaian impak, polisi, rantai bekalan untuk kilang sawit	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains (Kimia Gunaan), Universiti Malaya.</li> <li>- Berpengalaman selama lebih daripada 5 tahun dalam industri getah dan kelapa sawit, dan merupakan juruaudit bagi ISO 9001, MSPO dan RSPO di badan pensijilan sebelumnya.</li> <li>- Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit ISO 9001, RSPO P&amp;C dan RSPO SCCS.</li> </ul>
Amir Bahari	Ahli Pasukan  Amalan pengurusan baik untuk kilang sawit dan ladang, aspek lingkungan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki Ijazah (Kepujian) Kimia, Universiti Sains Malaysia 1985 dan Diploma Palm Oil Milling Tech/Management MPOB 1996.</li> </ul>



Inspiring trust for a more resilient world.

	hidup, HCV & perlepasan gas rumah hijau, penambahbaikan yang berterusan, rantaian bekalan untuk kilang sawit	- Mempunyai pengalaman lebih 30 tahun dalam pengurusan kilang dan ladang kelapa sawit. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit ISO 14001 dan RSPO P&C.
--	--	---

Sebagai persediaan untuk proses penilaian, pihak berkepentingan yang berkaitan dijemput untuk memberikan input bertulis mengenai penilaian ini dengan memberi komen mengenai aspek-aspek yang berkaitan dengan unit pensijilan. Topik yang mungkin ingin anda komen adalah seperti berikut tetapi tidak terhad kepada:

- Perlindungan dan Penjagaan lingkungan hidup
- Hak Asasi Manusia & kebajikan pekerja
- Peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- Free, prior and informed consent
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Komen yang diterima dalam masa 30 hari dari tarikh surat ini akan dipertimbangkan dalam Penilaian. Sila sertakan butir-butir berikut sekiranya kami mungkin perlu menghubungi anda untuk mendapatkan penjelasan atau tindakan lanjut mengenai masalah yang dibangkitkan oleh anda.

Nama: .....

Emel: .....

Jabatan: .....

Nombor telefon: .....

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

**Pengurus Skim:**

En. Nicholas Cheong  
BSI Services Malaysia Sdn. Bhd.  
Suite 29.01 Level 29 The Gardens North  
Tower, Mid Valley City Lingkaran Syed Putra  
59200 Kuala Lumpur, Malaysia  
Faks : +603 9212 9639  
Emel : [Nicholas.Cheong@bsigroup.com](mailto:Nicholas.Cheong@bsigroup.com)

**DAN / ATAU**

**Auditee:**

Pn. Shylaja Devi Vasudevan Nair  
Sime Darby Plantation Berhad  
Level 5, Main Block, Plantation Tower  
No. 2, Jalan PJU 1A/7  
47301 Ara Damansara  
Selangor, Malaysia  
Faks : +603 7848 4172  
Emel : [shylaja.vasudevan@simedarbyplantation.com](mailto:shylaja.vasudevan@simedarbyplantation.com)

Terima kasih dan maklumbalas yang diberikan amat dihargai.

Yang benar,

.....  
Nicholas Cheong  
Pengurus Skim Makanan Global (Pertanian)